

Headline	Sasaran sifar HIV mula tunjukkan hasil		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	10 Dec 2014	Color	Full Color
Section	Semasa	Circulation	22,425
Page No	9	Readership	134,550
Language	Malay	ArticleSize	208 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,032
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 3,096



Sasaran sifar HIV mula tunjukkan hasil

SANDAKAN: Pelan Strategik Negara yang menetapkan matlamat mencapai sifar HIV, iaitu sifar infeksi baru, sifar kematian disebabkan AIDS dan sifar kes baru bayi yang dilahirkan, kini telah nampak impaknya.

Menteri Kesihatan Malaysia telah memaklumkan bahawa bilangan kes HIV di Negara kita telah menunjukkan penurunan mendadak semenjak 12 tahun yang lalu," kata Datin Rosemary Au, isteri kepada Ahli Dewan Undangan Negeri Elopura Datuk Au Kam Wah, dalam ucapannya di Majlis Jamuan Amal sempena Hari AIDS Sedunia anjuran Sandakan AIDS Support Group Association semalam.

"Menurut Menteri Kesihatan, Pelan Strategik Malaysia telah menetapkan maklumat mencapai sifar HIV, (getting to Zero) iaitu sifar infeksi baru, sifar kematian disebabkan AIDS dan sifar kes baru bayi yang dilahirkan. Dengan usaha gigih, telah nampak impaknya," tambah Rosemary.

Statistik telah menunjukan penurunan kes HIV baru di kalangan penagih dadah dan jangkitan ibu kepada anak, tetapi kes jangkitan melalui seksual masih membimbangkan, katanya lagi.

"Kalau dilihat sepintas lalu semenjak kes pertama HIV pada tahun 1986 sehingga September tahun ini kita telah mencecah seramai 104,197 kes HIV di Malaysia, diantaranya

16,918 pesakit AIDS telah meninggal, seramai 87,279 orang hidup dengan HIV ataupun AIDS", kata Rosemary.

"Kita perlu bersatu dalam komuniti untuk mencegah wanita dijangkiti, terutama yang muda, remaja dan kanak-kanak. Pendek kata, iaitu anak-anak kita yang akan meneraju generasi akan datang. Kebanyakan kita adalah wanita," tambah beliau.

Menurut Rosemary, adalah yang menjadi kritikal dan sudah tiba masanya wanita dan remaja kita perlu diberi pengetahuan yang betul dan

memperkasakan mereka untuk membuat keputusan bagi kesihatan mereka.

"Adalah mustahak mereka mendapat sokongan padu untuk mendapatkan maklumat atau info mengenai HIV yang tepat, cara mencegah, rawatan, penjagaan dan pengendalian kes yang positif," katanya.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah pengerusi Sandakan AIDS Support Group Association (SAGA) Dr Zaiton Yahaya. **-OLEH JAMES LEONG (james@newsabah-times.com.my)**



POTONG-KEK Au Kam Wah memotong kek dengan Rosemary (kanan) dan Dr Zaiton.